

Jawatan MPP bukan penghalang raih Anugerah Sultan Ibrahim

BATU PAHAT 8 Okt. - Walaupun sibuk memikul tanggungjawab sebagai Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), namun itu bukan alasan bagi Muhammad Nur Annuar Mohd. Yunos, 24, untuk tidak memberi tumpuan sepenuhnya dalam pengajiannya di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Malah, tugas sebagai pemimpin dan pengajian tetap diberi tumpuan sama rata sehingga beliau turut dipilih menjadi penerima Anugerah Sultan Ibrahim pada istiadat konvokesyen UTHM di sini hari ini.

Graduan jurusan Kejuruteraan Mekanikal yang merupakan anak kepada pesara tentera itu dipilih meraih anugerah tersebut berikutan kejayaan cemerlang dalam bidang akademik serta kokurikulum di samping mempunyai sahsiah terpuji.

Muhammad Nur Annuar yang berasal dari Banting, Selangor turut menerima Anugerah Canselor yang disampaikan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

yang juga Canselor UTHM.

"Alhamdulillah, saya membuktikan walaupun aktif dalam kokurikulum termasuk aktiviti sukarela serta menjadi Timbalan Yang Dipertua MPP, namun pencapaian akademik tidak pernah terabai.

"Saya juga mengamalkan belajar secara berkumpulan dengan menerangkan semula apa yang dipelajari ketika kuliah kepada rakan-rakan dan cara itu berjaya meningkatkan pemahaman saya," katanya.

Sementara itu, penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Ahmad Najmi Amerhaider Nuar, 26, mampu tersenyum setelah usaha gigihnya dan pengorbanan ibu, Norhayati Mohd. Amin, 54, selama ini terbalas.

Malah, pengalaman melihat kepayahan ibunya yang terpaksa berjalan kaki lebih enam kilometer setiap hari untuk bekerja menjadi pemangkin semangat bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer itu.

"Saya masih ingat dahulu bersama-sama ibu terpaksa menumpang lori, meredah ladang kelapa sawit untuk menuntut ilmu. Malah ibu pula kini bertarung dengan penyakit kanser payu dara.

"Sejak kecil, ibulah yang menanam semangat kami adik-beradik untuk belajar. Jika dikenang kembali pengorbanan ibu cukup membuatkan saya sebak," kata anak kelahiran Segamat itu.

Pengalaman telah banyak memantangkan dirinya kerana sebelum ini dia bukan pelajar cemerlang semasa di peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mahupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Namun, saya tidak mahu jadinya alasan untuk menyerah kalah, sebaliknya bangkit dengan mengambil Sijil Kemahiran Komputer di Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) sebelum menyambung Diploma Teknologi Maklumat di Kolej Poly-Tech Mara (KPTM)," katanya.



MUHAMMAD NUR ANNUAR MOHD. YUNOS (tengah), Najmi Amerhaider Nuar Daud dan seorang lagi penerima anugerah Pelajaran Diraja, Teo Yen Bin (kiri) merayakan kegembiraan bersama selepas Majlis Konvokesyen ke-16 UTHM di dewan Sultan Ibrahim UTHM, Batu Pahat, Johor, semalam. - BERNAMA